

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Statistik Perangkaan Banci Penduduk 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan jumlah penduduknya sebanyak 28.25 juta. Antaranya merangkumi kaum bumiputera 66.1%, kaum Cina 25.0%, kaum India 7.5% dan selebihnya 1.4% adalah kaum minoriti (merujuk kepada risalah *Data Penting 2010, Mac* yang dicetak oleh Jabatan Perangkaan Malaysia). Situasi kepelbagaian kaum turut menjadikan Malaysia sebuah negara yang bermultibahasa di mana setiap kaum di negara ini masih bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing walaupun bahasa Melayu diisytihar sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi atau bahasa kedua di Malaysia. Sebagai contoh, bahasa Cina merupakan *lingua franca* untuk komuniti Cina, manakala bahasa Tamil adalah bahasa utama untuk masyarakat India. Ini menunjukkan bahawa penduduk Malaysia sekurang-kurangnya merupakan penutur berdwibahasa.

Tambahan pula, penduduk negara ini juga bertutur dalam pelbagai bahasa dengan merangkumi dialek-dialek dan variasi-variasi bahasa tersebut (Asmah, 1992). Kenyataan ini disokong oleh Kuang (2006:76), beliau mengatakan (i) penutur Melayu selain daripada cekap dalam bahasa Melayu, kebanyakan daripada mereka juga boleh bertutur dalam bahasa Inggeris; (ii) penutur Cina lebih kerap bertutur dalam bahasa ibunda

mereka (misalnya Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew, Hainanese) dan pada masa yang sama mereka juga mempelajari bahasa Cina dan bahasa Melayu di sekolah; (iii) bagi penutur India pula, mereka juga bertutur dalam bahasa ibunda mereka (contohnya Tamil, Telugu, Malayalam atau Punjabi) dan bahasa Melayu, iaitu bahasa yang perlu dipelajari di sekolah.

Situasi berbilang kaum dan bahasa di Malaysia mendorong fenomena pemilihan bahasa berlaku. Demi mencapai tujuan komunikasi, penduduk-penduduk di negara ini selalu memilih dan menggunakan bahasa perantaraan yang difahami oleh semua pihak semasa berkomunikasi dalam domain yang berlainan. Pemilihan bahasa bukan sahaja berlaku dalam komunikasi inter-etnik, tetapi juga kerap berlaku dalam komunikasi intra-etnik, yakni dalam masyarakat Cina. Ini disebabkan komuniti Cina di Malaysia merupakan bangsa yang bermultibahasa.

Komuniti Cina di Malaysia selalu dianggap sebagai golongan yang berupaya berkomunikasi dengan pelbagai bahasa. Ini disebabkan sejak kecil lagi mereka sudah dididik untuk menguasai bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan mungkin juga dialek Cina keturunan sendiri. Antara sebab-sebab yang mendorong komuniti Cina mementingkan penguasaan pelbagai bahasa adalah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan *lingua franca* Malaysia; bahasa Inggeris mempunyai kedudukan yang tinggi di pentas antarabangsa, ia juga didefinisikan sebagai bahasa penyalur kemodenan dalam bidang sains dan teknologi, perkomputeran, perdagangan, pendidikan dan diplomatik; manakala bahasa Cina atau dialek Cina adalah bahasa natif mereka dan

kedua-duanya selalu dijadikan sebagai alat yang mewarisi identiti kebudayaan nenek moyang. Dengan wujudnya pelbagai pilihan bahasa bagi komuniti Cina, maka kebanyakan daripada mereka selalu menyesuaikan diri dalam komunikasi harian dengan menggunakan bahasa tertentu berdasarkan konteks atau domain komunikasi yang berlainan untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi.

1.2 Permasalahan Kajian

Perkembangan teknologi perkomputeran dan internet yang pesat dalam era globalisasi ini telah mengubah secara drastik cara manusia berkomunikasi antara satu sama lain. Medium baru ini membolehkan manusia berinteraksi dalam talian tanpa batasan jarak dan masa dengan hanya menggunakan pelbagai aplikasi berasaskan internet seperti mel elektronik, blog, bilik sembang (*chat room*), forum dalam talian, mesej segera (*instant messenger*), laman jaringan sosial (*social network sites*) dan sebagainya.

Statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada tahun 2008 (dalam *Digital Media Across Asia*, 2010) menunjukkan bahawa kadar penembusan internet di Malaysia adalah 62.8% daripada jumlah populasinya. Daripada jumlah itu, 94.4% pengguna internet mengakses internet untuk mencari maklumat diikuti dengan tujuan berkomunikasi dalam talian (84.7%). Ini sepadan dengan dapatan kajian bertajuk "*Identify Malaysian Online Behavior*" yang dijalankan oleh "*Omnicom Media Group dan Yahoo*" (dalam *Asiamediajournal.com*, 2008) menunjukkan masing-masing sebanyak 24.0% dan 19.0% remaja yang berusia 20-

an bersifat “*embracers*” dan “*socials*” dalam dunia siber, di mana mereka gemar mencuba dan menikmati apa-apa aplikasi yang baru dalam internet dan menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti komunikasi dalam laman jaringan sosial, mesej segera dan blog. Secara puratanya, mereka menggunakan 4 hingga 4.5 jam sehari untuk pelbagai aktiviti komunikasi dalam talian.

Statistik ini menunjukkan semakin ramai generasi muda di negara ini suka melakukan komunikasi dalam talian sehingga ia menjadi suatu amalan kemestian dalam kehidupan harian. Fenomena sebegini berlaku disebabkan medium komunikasi yang baru ini membolehkan komunikasi berkembang kepada kitaran hubungan yang lebih luas, di mana ia memudahkan pengguna berinteraksi dan membangunkan komuniti dengan pihak yang dikenali, mahupun pihak dari serata dunia yang tidak dikenali.

Maka, pemilihan bahasa oleh para pengguna internet semasa melakukan komunikasi bertulis dalam talian adalah satu persoalan yang menarik, memandangkan interaksi sosial yang bersifat global ini tentu mewujudkan kepelbagaian pola pemilihan bahasa, terutama bagi generasi muda tempatan yang berbangsa Cina kerana mereka sentiasa mempunyai banyak pilihan bahasa dalam komunikasi harian.

Jika meneliti kajian-kajian lepas yang berkaitan, didapati bahawa kebanyakan penyelidikan yang dijalankan ke atas topik ini lebih memberi tumpuan kepada pemilihan bahasa dalam komunikasi tradisional, iaitu komunikasi bersemuka. Akan tetapi, pemilihan bahasa dalam komunikasi berbantuan komputer (KBK) atau komunikasi

dalam talian belum dikaji secara mendalam oleh pengkaji tempatan walaupun cara komunikasi baru ini dilihat sudah menjadi salah satu corak kehidupan sesetengah rakyat Malaysia. Dengan menyedari hakikat ini, adalah wajar jika satu penyelidikan khusus dijalankan untuk melihat pola pemilihan bahasa dalam komunikasi berbantuan komputer yang sentiasa dilakukan oleh golongan generasi muda.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada dua aspek yang tersenarai seperti berikut:

1. Mengenal pasti pola pemilihan bahasa mahasiswa Cina dalam komunikasi berbantuan komputer.
2. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa mahasiswa Cina dalam komunikasi berbantuan komputer.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang ditentukan, maka persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah bahasa yang biasa digunakan oleh mahasiswa Cina dalam laman jaringan sosial dan mesej segera berdasarkan (i) tujuan komunikasi dan (ii) interlocutor yang berlainan?
2. Adakah pola pemilihan bahasa mahasiswa Cina dalam laman jaringan sosial dan mesej segera berbeza berdasarkan (i) gender dan (ii) program pengajian?

3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pola pemilihan bahasa mahasiswa Cina dalam laman jaringan sosial dan mesej segera?

1.5 Skop Kajian

Menurut kaji selidik *Accenture* pada tahun 2010, sebanyak 85.0% responden di Malaysia menggunakan jaringan sosial dalam talian. Ini disokong dengan laporan *comScore World Matrix* (sehingga Ogos, 2009) yang menunjukkan bahawa 67.0% daripada keseluruhan pengguna internet di Malaysia merupakan pengguna jaringan sosial. Di samping itu, berdasarkan laporan bertajuk “*Household Use of the Internet Survey 2009*” yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, terdapat 66.5% pengguna internet menggunakan mesej segera untuk bersembang atau berkomunikasi secara bertulis dengan ahli keluarga dan rakan.

Dengan itu, didapati komunikasi berbentuk jaringan sosial dan mesej segera kini dijadikan sebagai saluran komunikasi berbantuan komputer yang paling hangat dan semakin ramai yang menggunakannya. Tambahan pula, disebabkan kadar pertukaran mesej dan giliran pertuturan antara penyampai dan penerima dalam komunikasi berbentuk jaringan sosial dan mesej segera adalah cepat dan segera, maka kecenderungan atau corak pemilihan bahasa seseorang dapat dilihat dengan lebih signifikan sekiranya dibandingkan dengan komunikasi berbentuk mel elektronik, blog dan sebagainya.

Berdasarkan kedua-dua fakta di atas, maka kajian ini hanya berfokus kepada pemilihan bahasa dalam komunikasi berbentuk jaringan sosial dan mesej segera. Seramai 100 orang mahasiswa berbangsa Cina di Universiti Malaya dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian ini.

Secara ringkasnya, kajian ini hanya memfokus kepada bahasa yang biasa dipilih dan diguna oleh responden semasa berkomunikasi secara bertulis dalam laman jaringan sosial dan mesej segera. Oleh itu, pemilihan bahasa dalam KBK secara lisan tidak diambil kira dalam kajian.

1.6 Kepentingan Kajian

Penelitian dan penganalisan terhadap pola pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda adalah penting kerana mereka yang akan mempengaruhi perkembangan sesuatu bahasa pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini penting bagi melakarkan corak pemilihan bahasa yang dilakukan oleh masyarakat Cina muda semasa berkomunikasi berbantuan komputer, khususnya dalam domain jaringan sosial dan mesej segera, sedangkan medium komunikasi baru ini telah menjadi salah satu alat komunikasi yang tidak boleh diabaikan dalam era modernisasi ini.

Pola pemilihan bahasa dalam komunikasi berbantuan komputer melalui kajian ini ditinjau dan seterusnya boleh dibandingkan dengan pemilihan bahasa dalam komunikasi bersemuka dalam kehidupan harian oleh masyarakat muda untuk

menentukan sejauh mana komunikasi berbantuan komputer mempengaruhi perkembangan bahasa. Dengan secara tidak langsung, lakaran terhadap corak pemilihan bahasa oleh generasi muda dalam komunikasi talian juga merupakan sumber penting yang boleh menjadi satu rujukan kepada pihak yang berusaha dalam perancangan bahasa.

1.7 Definisi Istilah

Berikut adalah istilah yang perlu dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan atau kesalahtaksiran pembaca terhadap istilah yang kerap digunakan dalam kajian ini.

1.7.1 Bahasa Cina

Bahasa Cina digunakan sebagai *lingua franca* oleh bangsa Cina merupakan bahasa standard yang diwajibkan oleh pihak berkuasa negara China pada tahun 1956 dengan “menggunakan fonetik Beijing sebagai fonetik standard; menggunakan dialek Utara (China) sebagai dialek asas dan menggunakan nahu karya-karya sastera moden yang tipikal sebagai rujukan nahu standard” (Shen, 1999:7). Ia dikenali sebagai “*Putonghua* (普通话)” di negara China, tetapi komuniti Cina di Malaysia dan Singapura lebih kerap memanggilnya sebagai “*Huayu* (华语)”. Walaupun demikian, kedua-dua istilah tersebut sama-sama merujuk kepada bahasa Cina standard yang digunakan oleh bangsa Cina pada masa kini. Sebelum itu, istilah “*Huayu*” selalu diterjemahkan kepada “bahasa Mandarin”, akan tetapi, menurut *Nanyang Siang Pau* (2009), Majlis Pembakuan Bahasa Cina Malaysia telah mengumumkan bahawa

terjemahan yang standard bagi “*Huayu*” dalam bahasa Melayu ialah “bahasa Cina” dan bukan “bahasa Mandarin”. Maka, untuk merujuk kepada bahasa Cina standard yang digunakan sebagai *lingua franca* dalam komuniti Cina di Malaysia, istilah yang digunakan dalam kajian ini ialah “bahasa Cina”. Bagi merujuk kepada dialek Cina yang berbeza dengan bahasa Cina standard, istilah yang digunakan dalam kajian ialah “dialek Cina”.

1.7.2 Komunikasi Berbantuan Komputer

Menurut December (1996, dalam Romiszowski & Mason, 1996:398), komunikasi berbantuan komputer (KBK, *computer-mediated communication, CMC*) merupakan satu proses di mana manusia menghasil, menukar dan menerima maklumat atau mesej dengan berbantuan sistem rangkaian telekomunikasi.

Berbandingkan dengan komunikasi tradisional, semua teori komunikasi dan mekanisme penyaluran mesej (*delivery mechanisms*) dalam KBK adalah sama, yang berbezanya ialah KBK berlaku atas medium yang berasaskan teknologi internet melalui alat-alat komunikasi elektronik (Naughton, 2000, dalam Romiszowski & Mason, 1996:398). KBK boleh melibatkan komunikasi lisan atau komunikasi bertulis dengan berdasarkan aplikasi alat komunikasi elektronik yang digunakan (Romiszowski & Mason, 1996:398). Kemudahan KBK membolehkan pengguna internet melakukan interaksi sosial dalam talian tanpa kekangan ruangan dan masa.

Berdasarkan Beth dan Cathy (2001:269) dan Romiszowski dan Mason (1996:398), KBK boleh dibahagi kepada dua bentuk: (i) KBK secara serentak (*synchronous CMC*), iaitu dua atau lebih interlokutor yang berkomunikasi antara satu sama lain dalam talian pada waktu yang sama (*real-time*), contohnya bersembang dalam mesej segera, bilik sembang dalam talian dan sebagainya; (ii) KBK secara tak serentak (*asynchronous CMC*), iaitu komunikasi dalam talian di antara dua atau lebih interlokutor yang berlaku pada waktu yang tidak serentak, ia bermaksud proses penghantaran dan penerimaan mesej di antara intelokutor mengalami penangguhan masa (*time delay*), misalnya mengepos mesej atau berkongsi pautan melalui mel elektronik, blog, forum dalam talian atau laman jaringan sosial dan sebagainya.

Berdasarkan skop kajian yang ditetapkan, istilah “komunikasi berbantuan komputer” atau singkatan “KBK” yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada komunikasi secara bertulis dalam laman jaringan sosial dan mesej segera sahaja.

1.7.3 Laman Jaringan Sosial

Boyd dan Ellison (2008) mendefinisikan laman jaringan sosial (*social network sites*) sebagai suatu perkhidmatan berasaskan laman web yang membolehkan individu untuk:

(1) construct a public or semi-public profile within a bounded system, (2) articulate a list of other users with whom they share a connection, and (3) view and traverse their list of connections and those made by others within the system.

(Boyd & Ellison, 2008:211)

Dalam kata lain, laman jaringan sosial sebenarnya merupakan salah satu media sosial atau platform komunikasi baru yang menawarkan kepelbagaian aplikasi dan aktiviti sosial dalam talian yang membolehkan para penggunanya (i) mengembara profil kawan atau pengguna jaringan sosial yang lain; (ii) meninggalkan mesej ringkas dan komentar pada profil kawan; (iii) menulis mesej peribadi (*private messaging*) kepada kawan; (iv) memuatnaikkan foto dan video pada profil untuk berkongsi dengan pihak ketiga; (v) menulis atau mengepos tulisan-tulisan di dalam nota atau ruangan blog (*blogging*); (vi) bersembang dan sebagainya (Boyd & Ellison, 2008:213-214). Namun, aplikasi atau aktiviti sosial yang ditawarkan oleh setiap laman jaringan sosial adalah berbeza antara satu sama lain. Laman jaringan sosial yang agak popular kini termasuk *Facebook, Twitter, Myspace, Friendster* dan sebagainya.

1.7.4 Mesej Segera

Mesej segera (*instant messenger, IM*) merupakan sejenis perkhidmatan komunikasi yang membolehkan individu membina suatu bilik sembang peribadi (*private chat room*) untuk berkomunikasi serentak dengan pengguna mesej segera lain yang dalam talian (Webopedia, 2011). Berbandingkan dengan bilik sembang yang tipikal, mesej segera lebih bersifat peribadi (Wisegeek, 2011). Ini disebabkan interlocutor dalam mesej segera terbatas kepada individu yang telah “dijemput” atau “diterima” dalam senarai kawan. Walaupun mesej segera lebih digunakan sebagai KBK serentak oleh penggunanya, namun ia kadangkala juga digunakan sebagai KBK tak serentak, misalnya meninggalkan mesej kepada pihak yang berstatus luar talian (*send an offline instant message*). Mesej segera yang agak popular kini misalnya *MSN Messenger, Yahoo! Messenger, Google Talk* dan sebagainya.

Sebagai rumusan, bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian. Semua perbincangan ini bertujuan memberikan gambaran yang jelas tentang kajian yang dilakukan.